

Kertas Bil. 48/2014



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PEJABAT TANAH DAN DAERAH (JP-PADAT) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR KE PEJABAT DAERAH
DAN TANAH (“PDT”) HULU LANGAT**

1980.12.11

1980.12.11
1980.12.11
1980.12.11
1980.12.11

PENYATA
JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
KE PEJABAT DAERAH DAN TANAH (“PDT”) HULU LANGAT

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (Jawatankuasa) telah mengadakan satu lawatan ke Pejabat Daerah dan Tanah (“PDT”) Hulu Langat pada hari Isnin, 3 Jun 2014.
- 1.2. Lawatan ke PDT Hulu Langat merupakan salah satu daripada rangka kerja JP-PADAT bagi melihat sendiri perkembangan dan perjalanan pentadbiran PDT-PDT di Selangor. JP-PADAT juga ingin mengetahui pencapaian dan permasalahan yang dihadapi PDT-PDT di Selangor. Lawatan ini adalah lawatan ketiga yang telah dilakukan oleh JP-PADAT selepas melawat PDT Petaling pada 19 Mei 2014 dan PDT Gombak pada 26 Mei 2013.
- 1.3. Ahli-ahli JP-PADAT yang hadir pada lawatan ini terdiri daripada Y.B. Tuan Lau Weng San (ADN Kawasan Kampung Tunku) selaku Pengurus, Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafie (ADN Kawasan Sri Muda), Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (ADN Kawasan Bangi), Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara) dan Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADN Kawasan Rawang).
- 1.4. Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah Pegawai Daerah Hulu Langat, Y.Bhg. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, Setiausaha Bahagian Dewan/MMKN, Pn. Elya Marini binti Darmin, para pegawai PDT Hulu Langat serta Urus Setia JP-PADAT.

2. FAKTA

- 2.1. Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa banyak perkara yang telah dijalankan sepanjang dua tahun (2012 – 2014) bagi membangunkan daerah Hulu Langat walaupun kadangkala tidak mendapat sambutan di kalangan penduduk.
- 2.2. Jawatankuasa turut diperkenalkan kepada barisan warga PDT Hulu Langat di mana Dato' Pegawai Daerah telah memaklumkan bahawa masih terdapat beberapa kekosongan bagi jawatan-jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, khasnya jawatan Ketua Penolong Pegawai Daerah. Namun demikian, beliau yakin kekosongan tersebut akan diisi dalam masa yang terdekat.
- 2.3. Jawatankuasa diberitahu bahawa daerah Hulu Langat adalah merupakan antara daerah yang tertua di Selangor dan akan menyambut ulangtahun ke-200 pada tahun 2018 yang akan datang. Daerah ini terdiri daripada 7 mukim yang diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara iaitu Mukim Hulu Langat, Kajang, Ampang, Semenyih, Ampang, Beranang, Cheras, dan Hulu Semenyih. Daerah ini bersempadan

dengan Wilayah Persekutuan, Pahang dan Negeri Sembilan dan mempunyai keluasan 82,260 hektar.

- 2.4. Jawatankuasa juga difahamkan bahawa Daerah Hulu Langat mempunyai 4 kawasan Parlimen dan 9 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan diurus oleh dua PBT; MPAJ dan MPKj. Buat masa ini, perkhidmatan bagi sebahagian kawasan kampung diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutama sekali di Mukim Ampang supaya perkhidmatan-perkhidmatan dapat diberikan dengan lebih efisyen memandangkan peruntukan yang diberi kepada PBT adalah lebih. Dari segi jumlah penduduk, daerah Hulu Langat mempunyai jumlah penduduk yang lebih daripada Negeri Sembilan dan Melaka.

Pelupusan/Pemberimilikan Tanah

- 2.5. Sebelum 2012, Jawatankuasa difahamkan bahawa tunggakan bagi permohonan pemberimilikan agak banyak dan pihak PDT Hulu Langat atas inisiatif Dato' Pegawai Daerah telah melaksanakan bengkel bagi menyelesaikan 4654 fail daripada tunggakan 4700 fail sebanyak tiga kali iaitu pada Januari, Jun dan Oktober 2014.

Jadual (i): Jumlah fail permohonan yang berjaya diselesaikan

| PERKARA | JUMLAH FAIL |
|--|-------------|
| TUNGGAKAN 2012 KE BAWAH | 4700 |
| JUMLAH PERMOHONAN BERJAYA DISELESAIKAN | 4654 |
| BAKI TUNGGAKAN | 46 |

- 2.6. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa baki 46 fail ini adalah disebabkan masalah berkaitan ulasan teknikal daripada jabatan-jabatan berkait. Sekiranya masih tiada ulasan daripada jabatan-jabatan tersebut walaupun notis yang cukup sudah diberi, Dato' Pegawai Daerah akan mengangkat permohonan terus ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan seterusnya akan menyerahkan kepada MMKN sama ada mahu meluluskan permohonan tersebut atau memanggil semula jabatan-jabatan tersebut untuk memberikan ulasan secara lisan semasa mesyuarat MMKN.

- 2.7. Jawatankuasa telah diberitahu bahawa bengkel-bengkel tersebut melibatkan kesemua pegawai-pegawai PDT yang terlibat di mana Dato' Pegawai Daerah telah menjelaskan kepada mereka dasar pemberimilikan tanah oleh Kerajaan Negeri di mana 'summary rejection' boleh dibuat sekiranya permohonan-permohonan tanah dibuat di atas tanah-tanah berikut:

- a) tanah rizab;
- b) tanah-tanah yang diberi hakmilik (kadangkala fail tidak ditutup); dan
- c) tanah-tanah yang tidak diusahaikan.

- 2.8. Dato' Pegawai Daerah turut menjelaskan bahawa dasar-dasar kerajaan negeri telah banyak menyelesaikan tunggakan permohonan pemberimilikan. Setelah mengenalpasti kesemua permohonan tanah tidak terikat dengan ketiga-ketiga kategori di atas, Dato' Pegawai Daerah akan mendarahkan Settlement Officer/ Pegawai Penempatan ('SO') untuk menyelesaikan permohonan-permohonan tersebut mengikut mukim-mukim.
- 2.9. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa permohonan paling lama yang tidak diambil tindakan adalah sejak tahun 1953. Jawatankuasa kemudian diterangkan oleh Dato' Pegawai Daerah bahawa cara yang digunakan oleh PDT Hulu Langat untuk menyelesaikan masalah tunggakan ini adalah dengan membahagikan setiap fail permohonan mengikut mukim dan kemudian meneliti setiap satu fail permohonan dengan litosheet dan RA atau 'Register of Application'.
- 2.10. Masalah utama yang menyebabkan tunggakan permohonan adalah sikap sesetengah para pegawai yang suka menangguhkan permohonan. Beliau menegaskan bahawa segala urusan akan dipantau melalui mesyuarat pengurusan. Hasil daripada sistem pantauan tersebut, Dato' Pegawai Daerah menjelaskan bahawa tempoh masa daripada permohonan dibuat sehingga kertas ringkasan dibuat telah disingkatkan kepada 4 bulan.
- 2.11. Dasar kerajaan negeri yang banyak membantu penyelesaian permohonan tertunggak adalah berkenaan status penggunaan tanah rezab yang tidak boleh diberimilik mahupun bagi penggunaan sementara melalui Lesen Pendudukan Sementara (LPS/TOL). Ini adalah kerana kos bagi mengambil alih semula tanah bagi penggunaan tanah rezab tersebut agak tinggi kerana ia akan melibatkan bayaran pampasan kepada pemilik tanah/pemilik LPS/TOL. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa buat masa ini, pihak PDT membenarkan pengusaha/penduduk yang megusahakan/tinggal di atas tanah rezab tetapi memaklumkan kepada mereka bahawa ia adalah tanah rezab kerajaan dan pihak kerajaan berhak untuk mengambil semula tanah tersebut tanpa bayaran pampasan.
- 2.12. Sekiranya terdapat tanah yang telah diusahakan (bukan terletak di dalam tanah rezab) pihak PDT akan memaklumkan pengusaha tanah untuk memohon pemberimilikan tanah mengikut Jadual 1 Kanun Tanah Negara (KTN) dan sekiranya tidak diluluskan oleh MMKN, PDT akan memberikan LPS/TOL kepada pengusaha tersebut. Bayaran bagi permohonan pemberimilikan tanah adalah lebih murah berbanding permohonan LPS/TOL kerana bayaran adalah mengikut kadar sewaan yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian di samping bayaran deposit yang agak tinggi. Bagi pemberimilikan tanah, kosnya hanya melibatkan bayaran premium dan cukai yang agak rendah. Sekiranya tanah tersebut ingin digunakan bagi tujuan perumahan/kediaman, bayaran premium hanyalah RM 1000 selaras dengan insentif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.

- 2.13. Jawatankuasa kemudian diterangkan berkenaan tempoh yang diambil bagi satu-satu permohonan secara am. Pendaftaran hakmilik tanah di bawah kategori HS (D) adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) manakala tanah di bawah kategori HS(M) adalah di bawah bidang kuasa PDT. Jawatankuasa difahamkan bahawa proses pendaftaran bagi hakmilik tanah-tanah mukim atau HS (M) adalah tidak melebihi satu (1) bulan. Bagi tanah HS(D) pula, masa yang diambil untuk permohonan tersebut diproses adalah selama dua ke tiga (2-3) bulan dan tidak melebihi empat (4) bulan kerana ianya melibatkan kelulusan MMKN.
- 2.14. Jawatankuasa juga dimaklumkan bahawa satu 'Task Force' telah ditubuhkan bagi mencari jalan penyelesaian untuk permohonan pemberimanikan tanah (Full Title/ FT) Blok 79 Mukim Hulu Langat (pemberian FT kepada tanah-tanah tersebut). Masalah yang timbul daripada kawasan ini adalah permohonan pemberimanikan diberikan melalui pelan sahaja dan pertindihan sempadan dan sebagainya timbul hasil daripada kesilapan lampau. Oleh yang demikian, pihak PDT mengambil inisiatif dengan menjemput Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) untuk duduk berbincang serta mengukur semula tanah-tanah terlibat. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa pihak PDT akan menyelesaikan masalah di Blok 79 selewat-lewatnya hujung tahun ini.
- 2.15. Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa tanah di kawasan DUN Dusun Tua iaitu Kampung Mampir dan Kampung Nanding telah diceroboh oleh warga Indonesia. Tanah-tanah tersebut telah dipecahkan dan dijual untuk tujuan kediaman. Pihak PDT telah merampas semula kerana bertentangan dengan syarat-syarat yang dinyatakan iaitu pertanian. Tanah tersebut tidak dapat diberi kerana kebanyakannya masih warga Indonesia dan mereka tidak layak untuk mendapatkan tanah berstatus Rizab Melayu.
- 2.16. Jawatankuasa juga telah diterangkan bahawa banyak permohonan berkelompok bagi kampung tradisi/baru telah diselesaikan mengikut kampung-kampung. Permohonan-permohonan ini merupakan permohonan bagi tanah Kerajaan Negeri yang telah diusahakan untuk diberikan hakmilik. Namun demikian, temuduga perlu dijalankan untuk memastikan pemohon adalah merupakan penduduk kawasan tersebut. Dato' Pegawai Daerah juga memaklumkan bahawa terdapat satu lagi kelompok yang masih belum diselesaikan iaitu di Kampung Batu Tiga di mana terdapat masalah teknikal berkaitan Rizab Sungai. Jawatankuasa juga difahamkan bahawa rayuan telah diangkat ke MMKN. Bagi Kampung Bangi Tambahan, tindakan telah diambil di mana temuduga telah dijalankan dan permohonan tersebut telah dihantar ke PTGS/MMKN untuk tindakan seterusnya.

Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS/TOL)

- 2.17. Dato' Pegawai Daerah memaklumkan kepada Jawatankuasa bahawa permohonan bagi LPS/TOL banyak ditolak terutama sekali bagi kawasan Rizab selaras dengan polisi Kerajaan Negeri. Namun begitu, seperti mana yang telah ditegaskan oleh Dato' Pegawai Daerah, pihak PDT membenarkan pengusaha/penduduk yang megusahakan/tinggal di atas tanah Rizab tetapi memaklumkan kepada mereka bahawa ia adalah tanah Rizab Kerajaan dan pihak kerajaan berhak untuk mengambil semula tanah tersebut tanpa bayaran pampasan. Jawatankuasa difahamkan buat masa ini, Kerajaan Negeri hanya akan meluluskan permohonan LPS/TOL bagi papan iklan dan pondok pengawal dan PDT akan menerima permohonan LPS/TOL bagi tanah-tanah Kerajaan.

Jadual (ii): Permohonan Lesen Pendudukan Sementara

| TAHUN | JUMLAH PERMOHONAN | LULUS | TOLAK | TUNGGAKAN |
|---------------|----------------------|-----------|-----------|-----------|
| 2012 | 234 | 1 | 233 | - |
| 2013 | 10 | 10 | - | - |
| 2014 | 43 | 11 | 18 | 14 |
| JUMLAH | 53 | 21 | 18 | 14 |

Pewartaan Tanah Kubur Bukan Islam

- 2.18. Bagi permohonan pewartaan tanah kubur bukan Islam, hanya terdapat satu permohonan di mana ia sedang di dalam tindakan pihak PDT.

Pembangunan Tanah

- 2.19. Bagi pembangunan tanah, pihak PDT telah mengambil satu tindakan baru yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri di mana laporan tanah tidak digunakan lagi kerana salah satu prosedurnya adalah untuk berjumpa dengan SO dan ianya memakan masa lebih kurang tiga ke empat (3-4) bulan terutama berkaitan urusan tukar syarat bagi tanah yang sudah diberikan hakmilik. Hasil daripada ini, ada urusan yang telah berjaya dipendekkan daripada enam (6) bulan kepada dua (2) minggu dan ianya melibatkan peningkatan hasil bagi bayaran premium. Bagi urusan pecah bahagian, masa yang diperlukan untuk memproses urusan ini adalah di antara empat belas (14) hari ke satu (1) bulan dan tanggungjawab ini diserahkan kepada juru ukur.
- 2.20. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa masalah yang berlaku bagi isu pengambilan tanah ialah apabila konsultan yang dilantik oleh JKR dan JPS tidak melakukan kerja dengan betul di dalam menentukan sempadan, jajaran dan sebagainya.

Hasil

- 2.21. Pihak PDT menerangkan bahawa kutipan hasil cukai semasa sentiasa mencapai sasaran yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri iaitu sebanyak 90%. Namun demikian, bagi kutipan tunggakan, kutipan selalunya hanya mencapai 40% daripada jumlah yang perlu dikutip walaupun sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak 75%. Kutipan hasil bukan cukai agak banyak pada tahun ini disebabkan bayaran premium tanah yang meningkat sebanyak 90% berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

3. PENEMUAN JAWATANKUASA

Penyelesaian tunggakan permohonan pelupusan/pemberimilikan tanah dan pembaharuan di dalam sistem pengurusan dalaman PDT

- 3.1. Jawatankuasa melihat penyelesaian bagi tunggakan permohonan pelupusan/pemberimilikan amat cemerlang. Kaedah yang digunakan oleh pihak PDT Hulu Langat iaitu mengumpulkan semua pegawai terlibat di dalam beberapa siri bengkel dan meneliti setiap satu permohonan tertunggak ini wajar diaplikasikan di PDT-PDT lain.
- 3.2. Selain daripada itu, Jawatankuasa juga telah mendapati bahawa Dato' Pegawai Daerah sentiasa meminta para pegawai PDT Hulu Langat untuk melihat kembali carta aliran kerja atau 'Standard Operating Procedure' (SOP) supaya mana-mana prosedur yang berlakunya pertindihan dapat dikurangkan.
- 3.3. Lanjutan daripada itu, pihak Pegawai Daerah telah meringkaskan beberapa prosedur kerja dan bercadang untuk melaksanakan sistem 'online' dalaman bagi mempercepatkan proses-proses tertentu seperti urusan tukar syarat tanah dan sebagainya.

Penukaran status Tanah Rizab Melayu

- 3.4. Jawatankuasa dimaklumkan tentang cadangan untuk memberimilik Tanah Rizab Melayu kepada warga asal Indonesia adalah dengan cara menarik balik status tanah tersebut daripada Tanah Rizab Melayu dan menuarkannya kepada tanah pertanian atau apa-apa kegunaan lain. Namun demikian, masalah yang timbul akibat daripada cara penyelesaian ini adalah Tanah Rizab Melayu itu perlu diganti semula dan Jawatankuasa difahamkan oleh pihak PDT sedang berusaha untuk mencari lokasi yang sesuai bagi menggantikan tanah di kawasan tersebut sekiranya penukaran status yang dicadangkan diluluskan.

Isu berkaitan masalah kutipan cukai tanah

- 3.5.** Antara isu-isu yang dihadapi berkenaan masalah kutipan tunggakan cukai adalah seperti berikut:
- Hakmilik masih lagi di atas nama pemaju. Notis diserahkan kepada pemaju tetapi tidak dilayan kerana tindakan akan dikenakan keatas pemilik kediaman tersebut. Pihak PDT juga memberitahu bahawa terdapat pemaju-pemaju harta tanah tidak begitu memberi kerjasama kepada PDT.
 - Hakmilik asal tidak dibatalkan walaupun sebenarnya sudah boleh di 'write-off'. PTGS mengambil masa untuk memproses 'write-off' kerana prosesnya agak rumit.
 - Bagi hakmilik berbilang tingkat, kadangkala hakmilik strata itu tidak ada kerana belum dipindah milik kepada individu-individu menjadikan cukai dan jumlah denda terkumpul. Pihak PDT mempunyai masalah dengan pemaju harta tanah kerana tidak membuat permohonan pindah milik dan sebagainya.
 - Isu berkaitan bayaran premium tanah yang diambil alih oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) untuk kegunaan pembinaan stesen minyak, kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan sebagainya. Dato' Pegawai Daerah merasakan bayaran premium mengikut harga pasaran agak tidak adil kerana pampasan telah dibayar. Beliau mencadangkan supaya harga premium itu ditolak dengan harga pampasan yang telah dibayar.
 - Bagi syarikat-syarikat yang telah gulung tikar, masalah yang timbul adalah siapa yang akan bertanggungjawab untuk memohon pindah milik pecahan-pecahan tanah terutama sekali kawasan tanah yang mempunyai jenis-jenis lot yang berbeza dan strata di mana prosesnya agak rumit. Mengikut Sekyen 100 KTN, disebabkan kegagalan pembayaran cukai, pihak Kerajaan boleh merampas tanah tersebut tetapi ianya akan mengakibatkan kerumitan di pihak pembeli.
- 3.6.** Antara strategi-strategi yang digunakan untuk mengurangkan tunggakan cukai tanah adalah seperti berikut:
- Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Peringkat Daerah secara kerap bersama pemaju dan anak syarikat;
 - Menubuhkan satu "Taskforce" khas bagi menyelesaikan isu tunggakan cukai tanah secara "case by case basis";
 - Pemberian Notis 6A & 8A;
 - 'Data Cleaning';
 - Pembayaran insentif bagi pengurangan/pengecualian denda lewat;
 - Khidmat bayaran ansuran;
 - Pemberian surat peringatan;
 - Melakukan operasi "Knock Door" dari rumah ke rumah; dan
 - Melakukan perbincangan dengan penunggak-penunggak tegar.

Isu berkenaan pertukaran Qualified Title/Final Title

- 3.7.** Jawatankuasa juga mendapati bahawa terdapat banyak kes tunggakan permohonan ‘Qualified Title’ atau QT kepada ‘Final Title’ atau FT.

Jadual (iii): Tunggakan Permohonan Pertukaran QT ke FT

| TAHUN | JUMLAH HAKMILIK | SELESAI | BAKI |
|------------------------|-----------------|---------|-------|
| 2014 (Sehingga Mei) | 13,339 | 6,221 | 7,118 |

- 3.8.** PDT memaklumkan bahawa jumlah tunggakan yang agak tinggi adalah disebabkan isu-isu yang berikut:

- Permohonan Ukur tidak dibuat;
- Pelan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer ('SPTB') lewat diterima daripada JUPEM;
- Berlaku pertindihan lot; dan
- Fail induk sukar dikesan.

- 3.9.** Namun demikian pihak PDT telah menggariskan beberapa pelan tindakan bagi mengatasi masalah-masalah ini iaitu:

- Penubuhan jawatankuasa penyelesaian pendaftaran QT/FT yang melibatkan JUPEM dan pemaju;
- Untuk projek-projek baru, PTD mencadangkan pihak pemaju mendapatkan FT daripada JUPEM; dan
- Permohonan Ukur oleh Penolong Pegawai tanah setelah semakan terhadap QT yang melebihi tempoh 5 tahun.

4. SARANAN JAWATANKUASA

- 4.1.** Jawatankuasa mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya dapat mempertimbangkan penubuhan sebuah muzium bagi PDT-PDT yang telah mencecah usia seratus (100) tahun atau lebih untuk mempamerkan sejarah perkembangan pengurusan tanah di negeri Selangor melalui PDT-PDT tersebut daripada zaman penjajahan British (pra-merdeka) sehingga kini.
- 4.2.** Bagi isu tunggakan hasil, Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mengadakan satu bengkel yang melibatkan Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan kesemua PDT di Negeri Selangor untuk bersama-sama mencari jalan penyelesaian dan seterusnya menetapkan satu KPI supaya perkara ini dapat diselesaikan dalam masa setahun memandangkan masalah tunggakan cukai juga berlaku di beberapa Pejabat Daerah dan Tanah yang lain di Selangor.

- 4.3. Bagi mengurangkan tunggakan permohonan pelupusan/pemberimilikan tanah, Jawatankuasa berharap supaya kaedah yang digunakan oleh pihak PDT Hulu Langat iaitu mengumpulkan semua pegawai terlibat di dalam beberapa siri bengkel dan meneliti setiap satu permohonan tertuggak wajar diaplikasikan di PDT-PDT lain.
- 4.4. Bagi Status Tanah Rizab Melayu, Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mengadakan satu rangka plan tindakan yang komprehensif dan teratur terhadap pengurusan Tanah Rizab Melayu.
- 4.5. Berkennaan dengan temuduga yang dijalankan bagi permohonan berkelompok kampong-kampung tradisi, baru, bagan dan India, Jawatankuasa mencadangkan supaya komposisi panel tersebut juga terdiri daripada wakil-wakil rakyat setempat seperti Ahli Dewan Negeri atau Ahli Parlimen.

5. PENUTUP

- 5.1. Jawatankuasa ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai kerajaan yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
- 5.2. Semoga segalan saranan Jawatankuasa yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan sewajarnya oleh MMKN. Sekian, terima kasih.



Y.B.TUAN LAU WENG SAN

Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah (JP-PADAT)

Oktober 2014

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT):

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Lau Weng San (ADN Kawasan Kampung Tunku) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (ADN Kawasan Sri Muda) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADN Kawasan Rawang) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (ADN Kawasan Bangi) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (ADN Kawasan Gombak Setia) | Ahli |
| 7. | Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus P.G.D.K., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (ADN Kawasan Gombak Kuang) | Ahli |



ISI KANDUNGAN TAKLIMAT

1. Latar Belakang PDT Hulu Langat
2. Carta Organisasi dan Fungsi
3. Perjawatan
4. Permohonan Tanah
5. Permohonan TOL
6. Permohonan Perwartaan Tanah-tanah
Perkuburan
7. Hasil
8. Isu-isu Tanah / Pentadbiran
9. Sasaran Kerja Tahunan 2014

(sehingga 31 Mac 2014)

1.

LATAR BELAKANG PDT HULU LANGAT

LATAR BELAKANG DAERAH HULU LANGAT


- Ditubuhkan pada 1881 di Bandar Kajang.
- Pada 1 Januari 1992, Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat telah berpindah ke kawasan baru iaitu Bandar Baru Bangi sehingga hari ini.
- Dirasmikan oleh Almarhum Sultan Sallahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj pada 25 Mac 1999.



LATAR BELAKANG DAERAH HULU LANGAT

Terletak dalam kawasan Lembah Klang dan bersempadan dengan :

- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Daerah Gombak di sebelah Barat Laut.
- Daerah Petaling di sebelah Barat.
- Pusat Pentadbiran Putrajaya dan Daerah Sepang di sebelah Barat Daya.
- Negeri Pahang di sebelah Timur Laut.
- Negeri Sembilan di sebelah Selatan dan Timur.



LATAR BELAKANG DAERAH HULU LANGAT

Daerah Hulu Langat mempunyai keluasan 82,620 hektar dan mengandungi 7 mukim yang diwartakan dibawah Kanun Tanah Negara iaitu :

- Mukim Beranang (keluasan 6,190 hektar).
- Mukim Cheras (keluasan 5,933 hektar).
- Mukim Ampang (keluasan 3,899 hektar).
- Mukim Hulu Langat (keluasan 29,448 hektar).
- Mukim Hulu Semenyih (keluasan 18,337 hektar).
- Mukim Semenyih (keluasan 9,557 hektar).
- Mukim Kajang (keluasan 9,298 hektar).

LATAR BELAKANG DAERAH HULU LANGAT


Kampung - kampung di Daerah Hulu Langat :

| BIL | MUKIM | KAMPUNG TRADISI MELAYU | KAMPUNG BARU CINA | KAMPUNG ORANG ASLI | JUMLAH |
|--------------------|---------------|------------------------|-------------------|--------------------|--------|
| 1 | HULU LANGAT | 14 | 2 | 3 | 19 |
| 2 | KAJANG | 11 | 4 | - | 15 |
| 3 | SEMENYIH | 7 | 2 | 2 | 11 |
| 4 | AMPANG | 11 | 1 | - | 12 |
| 5 | BERANANG | 12 | - | - | 12 |
| 6 | CHERAS | 5 | 3 | - | 8 |
| 7 | HULU SEMENYIH | 1 | - | 2 | 3 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 61 | 12 | 7 | 80 |

* Terdapat empat (4) Penempatan Komuniti India di Daerah Hulu Langat

LATAR BELAKANG DAERAH HULU LANGAT

Perangkaan Penduduk :



Data adalah berdasarkan rekod bancian penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG DAERAH HULU LANGAT

Kawasan Pilihanraya bagi Daerah Hulu Langat :

| KAWASAN PILIHANRAYA | WAKIL RAKYAT |
|------------------------|--|
| P99 AMPANG | Y.B. Puan Zuraida binti Kamaruddin |
| N19 Bukit Antarabangsa | Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali |
| N20 Lembah Jaya | Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz |
| P100 PANDAN | Y.B. Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli |
| N21 Cempaka | Y.B. Tuan Ir. Iskandar Bin Abdul Samad |
| N22 Teratai | Y.B. Tiew Way Keng |
| P101 HULU LANGAT | Y.B. Tuan Dr. Che Rosli Bin Che Mat |
| N23 Dusun Tua | Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan |
| N24 Semenyih | Y.B. Dato' Johan Bin Abdul Aziz |
| N25 Kajang | Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah bt Wan Ismail |
| P102 SERDANG | Y.B. Tuan Ong Kian Ming |
| N26 Bangi | Y.B. Tuan Shafie Bin Ngah |
| N27 Balakong | Y.B. Tuan Ng Tien Chee |

LATAR BELAKANG DAERAH HULU LANGAT

Pihak Berkuasa Tempatan :

| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | TAHUN DITUBUHKAN | KELUASAN PENTADBIRAN (HEKTAR) |
|---------------------------------------|------------------|-------------------------------|
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) | 1992 | 14,350 |
| Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) | 1997 | 78,761 |

2. **CARTA ORGANISASI DAN FUNGSI**

Visi, Misi & Misi Perkhidmatan Pelanggan

VISI

Menjadikan Sebuah Daerah Yang Termaju
Dan Sejahtera Menjelang Tahun 2015

MISI

Merancang, Mengurus Dan Memantau Pentadbiran
Daerah Bagi Mencapai Pembangunan Yang Holistik
Dan Seimbang Dari Segi Ekonomi, Sosial, Fizikal Dan
Pembangunan Insan Melalui Perkhidmatan Yang
Berkualiti

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Mudah, Cepat & Mesra

OBJEKTIF

Objektif Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat adalah untuk :

- Memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan dalam urusan pentadbiran Daerah, pentadbiran tanah dan pembangunan masyarakat.
- Menjadi penyelaras dan penghubung antara kerajaan dan rakyat serta mewujudkan perhubungan yang baik diantara jabatan – jabatan kerajaan negeri dan persekutuan di peringkat daerah.

FUNGSI

Pejabat Daerah/Tanah melaksanakan 4 fungsi utama iaitu :-

- Mentadbir pentadbiran daerah ke arah kesejahteraan rakyat.
- Mengurus pentadbiran tanah termasuk kutipan hasil dan cukai tanah.
- Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan tanah
- Mengurus pelaksanaan pembangunan Daerah.

Pegawai Daerah berperanan sebagai perancang, penyelaras, pemantau dan pelaksana projek dan program di peringkat daerah. Pegawai Daerah juga menganggotai Jawatankuasa Tetap di peringkat Negeri. Beliau juga berperanan menyelaras program-program anjuran kerajaan persekutuan di peringkat daerah termasuk juga Pihak Berkuasa Tempatan.

PIAGAM PELANGGAN


Kami berjanji memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai dengan berusaha mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat secara menyeluruh selaras dengan matlamat kami menuju ke arah kecemerlangan. Bagi maksud ini, kami berjanji :-

- Akan menerima dan menyelesaikan masalah orang ramai yang berurusan dengan pejabat dalam suasana mesra dan sedia membantu serta adil dan saksama
- Akan melaksanakan tugas-tugas mengikut undang-undang, peraturan dan piawaian yang ditetapkan.

LOGO RASMI PDT HULU LANGAT

Ungu ialah warna korporat PDTHL yang melambangkan inspirasi tinggi, kerohanian, ketiaatan, transformasi, kesedaran, kecanggihan, kemasyhuran dan berpengetahuan tinggi selaras dengan moto MUDAH, CEPAT & MESRA.


Lingkaran bermaksud bersatu hati dan sentiasa istiqamah dalam menjalankan tugas harian



DEMESNE bermaksud pemilikan dimana PDTHL adalah milik masyarakat terutamanya di daerah Hulu Langat. Sifat sense of belonging dikalangan warga PDTHL juga dicerminkan melalui perkataan DEMESNE. DEMESNE juga bermaksud daerah.

Warna kelabu melambangkan warna intelek, pengetahuan dan kebijaksanaan. Juga menimbulkan rasa hormat, praktikal, profesional, canggih, kualiti dan keselamatan.

Bentuk hati membawa maksud bekerja dengan suci hati dan sepenuh jiwa. Tujuh pecahan mewakili tujuh mukim yang menjadi tunjang kepada pentadbiran PDTHL bagi mencapai visi dan misi PDTHL.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

19

CARTA FUNGSI KHIDMAT PENGURUSAN

| UNIT PENTADBIRAN & KEWANGAN | UNIT MAJLIS DAN KERAJAAN | UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT | UNIT KESELAMATAN |
|--|---|--|---|
